KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN SELASA, 23 SEPTEMBER 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




23/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **INKUES ZARA QAIRINA: SAKSI KANAK-KANAK MULA BERI KETERANGAN** | | NEUTRAL |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inkues-zara-qairina-saksi-kanak-kanak-mula-beri-keterangan | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/saksi-kanak-kanak-beri-keterangan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://sabahmedia.com/2025/09/22/inkues-zara-saksi-kanak-kanak-pertama-beri-keterangan-in-camera/ | SABAHMEDIA.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/inkues-zara-secara-tertutup-mulai-hari-ini-saksi-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **INKUES ZARA QAIRINA: POLIS SIASAT DAKWAAN KEBOCORAN MAKLUMAT SAKSI KANAK-KANAK** | | NEUTRAL |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/inkues-zara-qairina-polis-siasat-dakwaan-kebocoran-maklumat-saksi-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inkues-zara-qairina-polis-siasat-kes-kebocoran-maklumat | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/749067/berita/nasional/meta-platform-media-sosial-perlu-perkenal-mekanisme-pengesahan-umur-identiti-pengguna | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/inkues-zara-qairina-polis-mohon-bantuan-mcmc/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **WARIS REMAJA AUTISME DITEMUKAN DI KESAS SUDAH DIKESAN – POLIS** | | POSITIF |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/waris-remaja-autisme-ditemukan-di-kesas-sudah-dikesan-polis/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/hantaran-facebook-bawa-kepada-penemuan-anak-autistik/ | KOSMO.COM.MY | |

23/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266884/waris-remaja-autisme-ditemukan-di-kesas-sudah-dikesan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/749059/berita/semasa/remaja-autisme-ditemui-di-lebuhraya-kesas-diserahkan-kepada-keluarga | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/09/22/remaja-autisme-bersendirian-di-lebuh-raya-kesas-sudah-dituntut-ibunya/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2025/09/22/missing-teen-with-autism-found-on-kesas-highway-police-seek-family/ | THERAKYATPOST.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **IBU MENGAKU CUAI SEBABKAN KEMATIAN BAYI DUA BULAN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/ibu-mengaku-cuai-sebabkan-kematian-bayi-dua-bulan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/ibu-menangis-teresak-esak-mengaku-cuai-sebabkan-kematian-bayi-2-bulan/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/749002/berita/semasa/ibu-menangis-mengaku-sebabkan-kematian-bayi-sendiri | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-indonesia-didenda-rm2000-kerana-cuai-sebabkan-kematian-bayi/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266818/bayi-maut-ditindih-ibu-wanita-warga-indonesia-didenda-rm2000-kerana-cuai | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/22/mum-fined-rm2000-for-negligence-in-babys-death | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2469940 | BERNAMA.COM | |
| | https://thereporter.my/bayi-tertindih-ibu-didenda-rm2000/ | THEREPORTER.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/09/22/ibu-menangis-teresak-esak-mengaku-salah-cuai-sebabkan-kematian-bayi/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/09/22/ibu-didenda-rm2000-cuai-hingga-bayi-maut-tertindih/ | TVSARAWAK.MY | |

23/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **MERANCANG TAK BERERTI MENOLAK** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/09/1266649/merancang-tak-bererti-menolak | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **‘USUS SIHAT, MINDA LAGI HEBAT’** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/usus-sihat-minda-lagi-hebat/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **KERAJAAN MASIH BERPEGANG STANDARD ANTARABANGSA BERKAITAN ROGOL BAWAH UMUR** | | POSITIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/749079/berita/nasional/kerajaan-masih-berpegang-standard-antarabangsa-berkaitan-rogol-bawah-umur | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-berpegang-standard-antarabangsa-berkaitan-rogol-bawah-umur | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/rogol-bawah-umur-kerajaan-pegang-prinsip-rogol-statutori/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/news.php?id=2470106 | BERNAMA.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/09/22/kerajaan-tak-berganjak-berhubung-prinsip-rogol-statutori-azalina/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **LELAKI TULAR AJAK ‘AMOI’ BERMESRA DICEKUP** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/09/22/lelaki-tular-ajak-amoi-bermesra-dicekup/ | KOSMO.COM.MY | |

23/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.sinarharian.com.my/article/749021/edisi/utara/video-tular-lelaki-buat-gangguan-seksual-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/lelaki-ditahan-selepas-video-gangguan-seksual-tular/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2469927 | BERNAMA.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/09/22/lelaki-tular-cuba-lakukan-gangguan-seksual-diberkas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://utusantv.com/2025/09/22/polis-cekup-lelaki-miang-lakukan-gangguan-seksual-di-bayan-lepas/ | UTUSANTV.COM | |
| | https://wartaoriental.com/2025/09/22/lelaki-ditahan-selepas-video-gangguan-seksual-tular/ | WARTAORIENTAL.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/22/penang-cops-nab-man-for-sexually-harassing-woman | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278834/man-nabbed-alleged-sexual-harassment | NST.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=iPUE8LvNqG0 | YOUTUBE | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SAKSI KANAK-KANAK MULA BERI KETERANGAN DI HADAPAN KAMERA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Saksi kanak-kanak mula beri keterangan di hadapan kamera

**Kota Kinabalu:** Saksi kanak-kanak mula memberikan keterangan secara di hadapan kamera atau tertutup dalam inkues kematian Zara Qairina Mahathir, 13, yang memasuki hari ke-11, semalam.

Dalam tempoh beberapa hari akan datang, Mahkamah Koroner dijadual mendengar keterangan lebih 30 orang saksi kanak-kanak yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, daripada 68 saksi yang disenaraikan.

Susulan keterangan daripada saksi kanak-kanak itu, hanya mereka yang terbabit secara langsung dalam inkues berkenaan dibenarkan hadir ketika prosiding dijalankan secara tertutup itu.

Ini termasuk peguam bagi semua pihak berkepentingan serta pegawai undang-undang daripada Persatuan Undang-Undang Sabah (SLS) dan Kementerian Pendidikan, yang hadir sebagai pemerhati prosiding (*watching brief*).

Meskipun tiada perintah larangan pelaporan (*gag order*) dikeluarkan Koroner, Amir Shah Amir Hassan, sepanjang prosiding berlangsung, beliau berulang kali mengingatkan semua pihak, termasuk media supaya mematuhi peruntukan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

Berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001, identiti dan sebarang maklumat peribadi, termasuk gambar kanak-kanak terbabit, tidak boleh didedahkan kepada umum menerusi mana-mana medium oleh mana-mana pihak.

Kegagalan mematuhi larangan itu boleh menyebabkan pihak yang melakukan kesalahan itu dikenakan tindakan undang-undang.

Sebelum ini, lapan saksi dewasa tampil memberikan keterangan sejak prosiding bermula pada 3 September lalu.

Zara Qairina, pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha, ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri pada awal pagi 16 Ogos di luar asrama sekolahnya di Papar. Beliau disahkan meninggal dunia keesokan harinya di Hospital Queen Elizabeth.

Kematian Zara Qairina mencetuskan kejutan dan perdebatan di seluruh negara, dengan gesaan meluas supaya siasatan dijalankan secara telus.

Pada 13 Ogos, Jabatan Peguam Negara mengarahkan inkues dijalankan selepas meneliti laporan polis berhubung kejadian.

# Koroner keluar notis tunjuk sebab kepada Shafie Apdal




## Presiden WARISAN didakwa keluar kenyataan hina mahkamah

Oleh Ersie Anjumin
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Mahkamah Koroner mengeluarkan notis tunjuk sebab terhadap bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal kerana menghina prosiding inkues kematian Zara Qairina Mahathir.

Koroner Amir Shah Amir Hassan membenarkan permohonan dibuat peguam Datuk Ram Singh ketika prosiding inkues yang memasuki hari ke-11 semalam.

Permohonan Ram itu turut disokong oleh semua pihak dalam prosiding berkenaan.

Notis berkenaan akan diserahkan serta-merta kepada Mohd Shafie yang juga Presiden Parti WARISAN.

Sebelum ini kenyataan Mohd Shafie dalam sebuah video tular di media sosial.

Dalam video berkenaan, Mohd Shafie kedengaran berkata, antara lain: "Itu budak sudah mati, bukan buli, *it's a murder* (ia satu pembunuhan). Betul kah" yang kemudian disusuli dengan suara daripada hadirin menjawab, "Betul."

Sementara itu Ram ketika sidang media berkata, pihaknya membuat permohonan itu kerana percaya tidak wajar untuk mengeluarkan kenyataan seperti itu.

"Kami membuat permohonan supaya mahkamah meneliti video berkenaan. Rakaman video telah diperdengarkan, walaupun bukan rakaman penuh. Ia dirakam ketika majlis makan malam selepas kenyataan Peguam Negara dan kenyataan mahkamah pada Jumaat.

"Kami sudah mengemukakan bahawa ia adalah subjudis. Kami juga menyatakan bahawa ia sedikit sebanyak mengganggu prosiding inkues ini.

"Secara asasnya, ia adalah subjudis. Selepas mendengar semua hujahan dan berunding dengan pihak lain di mahkamah, termasuk pegawai pengendali, mahkamah memerintahkan supaya notis tunjuk sebab dikeluarkan dan dilaksanakan hari ini. Saya percaya pegawai pengendali sedang menyediakannya," katanya.


*Mohd Shafie Apdal*

Ram berkata, mahkamah turut menegaskan orang awam dan pihak lain tidak sepatutnya sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan seperti itu.

Peguam Joan Goh menambah perintah itu dibuat di bawah Aturan 52, Kaedah 2B Kaedah-Kaedah Mahkamah, di mana notis tunjuk sebab akan dikeluarkan dan Mohd Shafie perlu memberi penjelasan.

"Jika penjelasan boleh diterima, maka tidak akan ada permohonan untuk mendapatkan kebenaran meneruskan prosiding menghina mahkamah," kata Goh.

Dalam pada itu, peguam Azhier Farhan Arisin, yang mewakili Pelajar B, C, D dan E, mengesahkan pihak lain dalam prosiding juga menyokong permohonan berkenaan.

"Sebagai pihak dalam prosiding, kami sepenuhnya menerima dan menyokong hujahan serta permohonan yang dikemukakan oleh Ram Singh dan pasukannya," katanya.

### Sokong permohonan Ram

Peguam Mohd Syarulnizam Mohd Salleh, yang mewakili ibu Zara, berkata mereka menyokong permohonan yang dikemukakan oleh Ram.

"Mereka (ibu Zara) sangat terkesan dan menjadi tanggungjawab kita untuk melindungi mereka supaya objektif utama inkues ini, iaitu untuk merungkai kebenaran dapat dicapai.

"Oleh itu, kami tidak membantah dan kami berharap pihak berkuasa akan melaksanakan tanggungjawab mereka sewajarnya," katanya ketika diminta mengulas permohonan Ram.

Sementara itu, Jabatan Peguam Negara (AGC) sedang meneliti secara terperinci setiap kandungan kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohd Shafie berhubung kes Zara Qairina.

AGC dalam kenyataan semalam, memaklumkan pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang, termasuk memulakan prosiding penghinaan mahkamah selepas penelitian selesai.

"Jabatan ini memandang serius kenyataan yang dikeluarkan Mohd Shafie ketika berucap pada majlis Jelajah Inspirasi DSSA P187 Kinabatangan, pada 20 September 2025.

"Kenyataan sedemikian berpotensi menimbulkan persepsi yang tidak tepat dalam kalangan masyarakat serta menjejaskan kelancaran prosiding mahkamah yang sedang berlangsung," menurut kenyataan itu.

# Polis siasat dakwaan kebocoran maklumat saksi

**Kota Kinabalu:** Polis sedang menjalankan siasatan berhubung kes pendedahan dan kebocoran maklumat berkaitan saksi kanak-kanak melalui media sosial yang dilaporkan pada 19 September lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Kasim Muda, berkata laporan diterima pada jam 4.15 petang Jumaat sebelum siasatan segera dijalankan.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 203A Kanun Keseksaan, Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Setakat ini, katanya, polis sudah merakam percakapan pengadu dan membuat permohonan analisis kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Pada masa sama, polis sedang berusaha mendapatkan rakaman percakapan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) serta peguam yang terbabit.

"Usaha turut dijalankan bagi mengesan suspek dan melengkapkan keseluruhan siasatan sebelum dirujuk kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kasim menegaskan, sebarang pendedahan atau penyebaran maklumat berkaitan kanak-kanak, khususnya melalui platform media sosial, adalah satu kesalahan serius yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Orang ramai diingatkan agar lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam mengendalikan maklumat sedemikian demi menjaga keselamatan serta kesejahteraan kanak-kanak," katanya.

Pada Jumaat, Peguam Datuk Ram Singh yang mewakili seorang saksi kanak-kanak dalam inkues kematian Allahyarham Zara Qairina Mahathir, membuat laporan polis berhubung kebocoran maklumat anak guamnya.

Dalam laporan yang dibuat di Balai Polis Luyang, di sini, beliau berkata maklumat itu terdedah selepas kenyataan saksi yang sepatutnya diberikan di Mahkamah Koroner dibocorkan di media sosial serta disebarkan secara meluas melalui aplikasi WhatsApp.

Katanya, pendedahan itu mengandungi butiran peribadi saksi, termasuk nama penuh, alamat rumah dan nombor pengenalan diri (IC).

Selain itu, beliau berkata satu video di aplikasi TikTok, Suketi/Uke Link turut memaparkan nama lima tertuduh kanak-kanak yang dituduh dalam kes itu.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SHOW CAUSE NOTICE ISSUED TO EX-SABAH CM | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

'MURDER' JIBE

# SHOW CAUSE NOTICE ISSUED TO EX-SABAH CM




## Shafie's statement is sub judice and interferes with inquest, says lawyer

ERSIE ANJUMIN
**KOTA KINABALU**
news@nst.com.my

THE Coroner's Court has issued a show cause notice to former Sabah chief minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal for contempt of court concerning the inquest into Zara Qairina Mahathir's death.

Coroner Amir Shah Amir Hassan allowed the application made by lawyer Datuk Ram Singh, who represents student "A" during the inquest proceedings, which entered its 11th day yesterday.

Ram's application was supported by all parties in the proceedings.

The notice will be served immediately to the Parti Warisan president.

In a video that has gone viral, Shafie is heard allegedly saying, among other things: *"Itu budak sudah mati, bukan buli, it's murder. Betul kah?"* (The child has died. It's not bullying. It's murder. Right?) to which members of the audience responded, *"Betul."* (Right)

At a press conference, Ram said the legal team filed an application because it believed that such statements were inappropriate.

"We made an application for the court to look into the video.

"A video recording was played, even though it was not the full recording. It was taken at a dinner (on Saturday) after the attorney-general's statement and the court's statement on Friday," said Ram.

"We submitted that the statement is sub judice and interferes with the ongoing inquest."

Ram added that after hearing arguments from all parties, including the conducting officer, the court agreed to issue a show cause notice, which was expected to be executed the same day.



*Datuk Seri Mohd Shafie Apdal*

According to him, the court said members of the public and others should not make such statements lightly.

"I understand that the coroner said: *'Bukan main-main ini prosiding'* (These proceedings are not to be taken lightly). So, I think the coroner also took this matter very seriously."

Lawyer Joan Goh said the order was made under Order 52, Rule 2B of the Rules of Court, which allows the court to issue a show cause notice requiring Shafie to explain his remarks.

"If the explanation is accepted, no further application for leave to proceed with contempt will be filed," said Goh.

As to the exact time the notice would be issued, Ram said he was not sure.

"As far as we heard in court, the show cause notice is to be executed today (yesterday). To be fair, he (Shafie) has to provide an answer. He has to give his reasons why an overshot statement like that was given by him.

"We will wait for the information from the conducting officer, who will be responsible for issuing the notice and submitting it to Shafie."

Lawyer Azhier Farhan Arisin, representing students "B", "C", "D" and "E", confirmed that the other parties to the proceedings also supported the application.

"As parties to the proceedings, we fully adopted and supported the submissions and application filed by Ram Singh and his team.

"And we confirm that the rest of the parties to the proceedings also supported the applications. As a result, this (yesterday) morning, the coroner has directed that the conducting officer prepare a notice.

"So, Shafie will have the chance to clarify the statement that he made in the political arena," said Azhier.

Lawyer Mohd Syarulnizam Mohd Salleh, representing Zara Qairina's mother, said they, too, supported the application filed by Ram.

"As lawyers, we agreed in principle. When court proceedings are ongoing, we must respect the process and be mindful of our words, as my colleagues have rightly pointed out. We must exercise caution, as these proceedings involve child witnesses.

"They are deeply affected, and it is our duty to protect them so that the main objective of this inquest, to uncover the truth, can be achieved.

"Therefore, we have no objections and we hope the authorities will carry out their duties accordingly," he said.

Earlier, the first child witness, student "A", began giving evidence on camera after the matter concerning Shafie's remarks had been addressed.

According to Syarulnizam, she had already testified and the proceedings went smoothly.

"It started with a question-and-answer session with the child witness. Adjustments were made because the testimony was taken under the Evidence of Child Witness Act, so the questioning was conducted in simpler, easier-to-understand language.

Ram, Goh and Prem Elmer Ganasan represent student "A".

Azhier appeared alongside Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Mohammed Fareez Mohammed Salleh and Sylvester Kuan.

Syarulnizam was accompanied by Rizwandean M. Borhan, Shahlan Jufri, Mohd Luqman Syazwan Zabidi, Farrah Nasser dan Elhanan James.

No media was allowed to be present during yesterday's court proceedings, and no press conference will be held as all child witnesses were testifying on camera under the Evidence of Child Witness Act.

INFORMATION LEAK

# Cops submits application for analysis to MCMC

**KOTA KINABALU:** State police have submitted an application for analysis to the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) over the leak of information related to a child witness in the inquest into Zara Qairina Mahathir's death.

District police chief Assistant Commissioner Kasim Muda said this was to facilitate investigations into the leak of information on social media.

He said the probe was being conducted under Section 203A of the Penal Code, Section 15 of the Child Act 2001 and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

"The case was reported on Sept 19, 2025, about 4.15pm," said Kasim in a statement.

"Police have recorded the complainant's statement and submitted an application for analysis to MCMC.

"Police are also working to obtain statements from the deputy public prosecutor and the lawyers involved (in the inquest)."

He said any disclosure or dissemination of information related to children, especially through social media platforms, was a serious offence.

"Therefore, the public is reminded to be responsible when handling such information to ensure the safety of the children."

Last week, the inquest was postponed after lawyer Datuk Ram Singh, who represents the child witness, raised the issue of the leak before coroner Amir Shah Amir Hassan.

The inquest is expected to see 68 witnesses being called, with more than 30 being minors.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | FIRST CHILD TESTIFIES IN ZARA'S INQUEST | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# First child testifies in Za a's inquest

**KOTA KINABALU:** The first child witness has testified at the Coroner's Court in the inquest into Zara Qairina Mahathir's death.

It is learnt that this student's testimony, which started yesterday morning, would continue today.

Many questions were directed to the student from lawyers on both sides.

Throughout the inquest, no media coverage is allowed on the testimonies given by minors as they will be giving their statements on camera in accordance to the Evidence of Child Witness Act.

Under this Act, any publication of a child witness' identity is strictly prohibited.

It also forbids the disclosure of any information in mass media or electronic platform.

The Act facilitates child witnesses in giving evidence and ensures their welfare.

As such, it does not permit their testimony to be made public.

Instead, it sets out rules on how such evidence is collected and presented in court.

Zara Qairina, a 13-year-old student, was found unconscious below her hostel in Papar on July 16. She died a day later.

Calls for an inquest arose when the public, including family members, urged the authorities to scrutinise the circumstances that led to her falling to her death.

Her tragic death sparked nationwide rallies and solidarity gatherings calling for justice for her.

The first child witness was supposed to testify last Friday but coroner Amir Shah Amir Hassan postponed the proceeding when information about the child witnesses were leaked online.

He warned the public not to leak any documents so as to not disrupt the ongoing inquest.

A total of 35 child witnesses are expected to testify throughout this inquest. Each would be placed in separate rooms accompanied by a court interpreter and a guardian.

So far, about eight adult deponents have testified in the proceedings, while another 25 adults are expected to do so.

The inquest began on Sept 3 and is expected to end on Sept 30.

On a related matter, the five teenagers charged with hurling abusive words towards Zara Qairina would undergo their first pre-trial case management on Sept 25. The second pre-trial case management will be held on Oct 16.

Trials are scheduled to commence between Dec 8 and Dec 12 and from Dec 15 to Dec 19 in closed court.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AGC REVIEWING MOHD SHAFIE'S REMARKS ON ZARA CASE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# AGC reviewing Mohd Shafie's remarks on Zara case

**KUALA LUMPUR:** The Attorney-General's Chambers (AGC) is reviewing in detail every part of a statement made by Parti Warisan president Datuk Seri Mohd Shafie Apdal regarding the case of Form One student Zara Qairina Mahathir.

In a statement yesterday, the AGC said it would not hesitate to take firm action under the law, including contempt of court proceedings, once the review is completed.

"The department takes seriously the remarks made by Mohd Shafie during the Jelajah Inspirasi DSSA P187 Kinabatangan event on Sept 20.

Such statements risk creating inaccurate perceptions among the public and could disrupt the smooth progress of ongoing court proceedings," it said.

The AGC reminded the public not to make comments or take actions that could cause confusion or interfere with cases still before the courts.

A video clip of a dinner event had earlier gone viral, showing Mohd Shafie questioning the length of the inquest proceedings.

Zara Qairina died on July 17 at Queen Elizabeth Hospital in Kota Kinabalu and was buried the same day at the Tanjung Ubi Muslim Cemetery in Sipitang.

She had been admitted to the hospital a day earlier after being found unconscious near a drain at her school hostel in Papar at 4am.

On Aug 8, the AGC ordered her remains to be exhumed for a post-mortem, before announcing on Aug 13 that an inquest would be held into her death. – Bernama

# Inkues Zara Qairina: Saksi kanak-kanak mula beri keterangan

Nasional - Dicipta: 22 September 2025 09:58 AM




*Bangunan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu - Foto BERNAMA*

***KOTA KINABALU, 22 September*** - Prosiding inkues kematian Zara Qairina Mahathir hari ke-11 berlangsung secara tertutup melibatkan saksi kanak-kanak hari ini.

Selaras dengan Akta Saksi Kanak-Kanak, saksi akan berada di bilik saksi dengan bantuan seorang jurubahasa dan seorang pendamping pilihan mereka.

Wakil media tidak dibenarkan mengikuti prosiding pada kali ini kerana melibatkan saksi kanak-kanak.

Langkah itu dibuat selaras dengan Akta Saksi Kanak-Kanak yang memberi perlindungan kepada saksi bawah umur bagi mengelakkan tekanan atau trauma ketika memberi keterangan.

Hanya mereka yang terbabit secara langsung dalam kes dibenarkan hadir dalam prosiding yang dijalankan secara tertutup itu.

Ini termasuk pihak yang berkepentingan serta pegawai undang-undang daripada Persatuan Undang-Undang Sabah (SLS) dan Kementerian Pendidikan, yang hadir sebagai pemerhati prosiding.

Secara keseluruhan, seramai 35 saksi kanak-kanak dijangka dipanggil memberi keterangan pada inkues berkenaan bermula hari ini hingga semua jumlah itu selesai memberi keterangan.

Setakat ini, lapan saksi dewasa tampil memberikan keterangan sejak prosiding bermula pada 3 September lalu.




# Inkues Zara Qairina: Polis siasat dakwaan kebocoran maklumat saksi kanak-kanak

Oleh IVAN AMIRUL 22 September 2025, 6:55 pm

KOTA KINABALU – Polis sedang menjalankan siasatan berhubung kes pendedahan dan kebocoran maklumat berkaitan saksi kanak-kanak melalui media sosial yang dilaporkan pada 19 September lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Kasim Muda berkata laporan diterima kira-kira pukul 4.15 petang Jumaat sebelum siasatan segera dijalankan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 203A Kanun Keseksaan, Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Setakat ini, polis sudah merakam percakapan pengadu dan membuat permohonan analisis kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Dalam masa sama, polis sedang berusaha mendapatkan rakaman percakapan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) serta peguam yang terlibat.

"Usaha turut dijalankan bagi mengesan suspek dan melengkapkan keseluruhan siasatan sebelum dirujuk kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Kasim menegaskan, sebarang pendedahan atau penyebaran maklumat berkaitan kanak-kanak khususnya melalui platform media sosial adalah satu kesalahan serius yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Orang ramai diingatkan agar lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam mengendalikan maklumat sedemikian demi menjaga keselamatan serta kesejahteraan kanak-kanak," katanya.

Peguam Datuk Ram Singh yang mewakili seorang saksi kanak-kanak dalam inkues kematian Allahyarham Zara Qairina Mahathir pada Jumaat lalu membuat laporan polis berhubung kebocoran maklumat anak guamnya.

Dalam laporannya yang dibuat di Balai Polis Luyang, beliau berkata maklumat itu terdedah selepas kenyataan saksi yang sepatutnya diberikan di Mahkamah Koroner dibocorkan di media sosial serta disebarkan secara meluas melalui aplikasi WhatsApp.

Katanya, pendedahan itu mengandungi butiran peribadi saksi termasuk nama penuh, alamat rumah dan nombor pengenalan diri (IC). – KOSMO! ONLINE

# Waris remaja autisme ditemukan di KESAS sudah dikesan – Polis

22 September 2025, 5:26pm




**Oleh: Noor Hidayah Tanzizi**

**SERDANG:** Waris kepada remaja autisme yang ditemui bersendirian di tengah laluan motosikal di Kilometer 43.2 Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Jumaat lalu, akhirnya dikesan semalam.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Muhamad Farid Ahmad berkata, ibu mangsa membuat laporan di Balai Polis Petaling, Kuala Lumpur sebelum mengambil remaja berusia 14 tahun itu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada jam 10 malam.

"Hasil siasatan mendapati remaja berkenaan keluar dari rumahnya di Taman Sri Sentosa, Kuala Lumpur dalam keadaan marah pada jam 5.50 petang, Jumaat lalu.

"Mangsa dikatakan biasanya akan pulang semula ke rumah namun selepas dia didapati tidak pulang, ibunya membuat hantaran di Facebook untuk mendapatkan bantuan orang ramai mengesan anaknya pada jam 6 petang semalam," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, wanita itu kemudian menerima panggilan daripada seorang lelaki pada jam 6.30 petang yang memintanya berhubung dengan Balai Polis Puchong Jaya, sebelum dia menghubungi balai berkenaan untuk menyemak status anaknya dan dirujuk kepada JKM bagi urusan pengambilan di Wad Kanak-kanak Hospital Shah Alam.

Susulan itu, Muhamad Farid merakamkan penghargaan kepada orang ramai dan media yang membantu mengesan waris atau penjaga remaja terbabit sehingga diserahkan kepada pihak berkuasa dalam keadaan selamat.

Terdahulu, mangsa ditemui penunggang motosikal kira-kira jam 9.13 malam Jumaat lalu, dalam keadaan duduk mencangkung di tengah lorong motosikal arah Puchong ke Kuala Lumpur tanpa sebarang pengenalan diri, sebelum diserahkan kepada JKM untuk jagaan sementara.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA WARGA ASING MENGAKU BERSALAH, DIDENDA RM2,000 | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BAYI 2 BULAN MAUT DITINDIH IBU

# *Wanita warga asing mengaku bersalah, didenda RM2,000*

**Parit:** Seorang wanita warga Indonesia didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam, selepas mengaku menyebabkan kematian anak bongsunya yang berusia dua bulan akibat kecuaian, Khamis lepas.

Majistret Nurul Izalina Rajaai menjatuhkan hukuman itu ke atas Dewinta Tefa, 36, dan memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu terhadap Arkan Andre Soveeal Asit di Jalan Sungai Jejawi, Kampung Sungai Dua Kota Setia, dekat sini, pada 5.30 pagi 18 September lepas mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Mohd Ameerul Nazhif Wan Zulfikri memohon hukuman setimpal mengambil kira kepentingan faktor awam namun peguam Nurul Syuhada Mohd Yusof memohon hukuman ringan atas alasan ini kesalahan pertama anak guamnya.

**Tertuduh diperintahkan jalani hukuman penjara 6 bulan jika gagal bayar denda**

Peguam itu berkata, Dewinta yang mempunyai enam anak (empat daripada mereka berada di Indonesia) tidak bekerja manakala suaminya bekerja di ladang kelapa sawit dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa seorang bayi berusia dua bulan meninggal dunia akibat lemas selepas ditindih ibunya sendiri ketika sedang tidur. - BERNAMA



DEWINTA mengaku menyebabkan kematian anak bongsunya yang berusia dua bulan akibat kecuaian, Khamis lepas.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | WANITA CUAI SEBABKAN BAYI MAUT DIDENDA RM2,000 | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 16 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Wanita cuai sebabkan bayi maut didenda RM2,000

**Parit:** Wanita warga Indonesia didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini semalam selepas mengaku dengan cuai menyebabkan kematian anak bongsunya yang berusia dua bulan akibat ditindih ketika sedang tidur, dalam kejadian Khamis lalu.

Majistret Nurul Izalina Rajaai menjatuhkan hukuman itu ke atas Dewinta Tefa, 36, dan memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu terhadap Arkan Andre Soveeal Asit, di Jalan Sungai Jejawi, Kampung Sungai Dua Kota Setia, dekat sini pada jam 5.30 pagi 18 September lalu mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Mohd Ameerul Nazhif Wan Zulfikri memohon hukuman setimpal mengambil kira kepentingan faktor awam, namun peguam Nurul Syuhada Mohd Yusof memohon hukuman ringan atas alasan ini kesalahan pertama anak guamnya.

Peguam itu berkata Dewinta yang mempunyai enam anak (empat daripada mereka berada di Indonesia) tidak bekerja, manakala suaminya bekerja di ladang kelapa sawit dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa bayi berusia dua bulan meninggal dunia akibat lemas selepas ditindih ibunya sendiri ketika sedang tidur.

BERNAMA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INDONESIAN WOMAN FINED RM2,000 FOR NEGLIGENCE LEADING TO BABY'S DEATH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Police arrive at the court with the accused. — Bernama photo

# Indonesian woman fined RM2,000 for negligence leading to baby's death

**PARIT:** The Magistrates' Court here yesterday fined an Indonesian woman RM2,000 in default six months' imprisonment for causing the death of her two-month-old baby last week by unintentionally smothering the child in bed.

Magistrate Nurul Izalina Rajaai meted out the fine on Dewinta Tefa, 36 after she pleaded guilty to a charge under Section 304A of the Penal Code, which provides a maximum jail sentence of two years or a fine, or both, upon conviction.

She was charged with negligently causing the death of Arkan Andre Soveeal Asit at Jalan Sungai Jejawi, Kampung Sungai Dua Kota Setia near here at 5.30am on Sept 18.

Based on police investigations, it was found that the baby suffocated while sleeping beside Dewinta, who unintentionally smothered him on the same bed.

The autopsy revealed that the cause of death was brain swelling and fluid in the lungs due to being smothered.

During mitigation, Dewinta's lawyer Nurul Syuhada Mohd Yusof said her client has six children, four of whom are in Indonesia, and that she is unemployed, while her husband works at an oil palm plantation with an income of RM1,500 per month.

The prosecution was conducted by Deputy Public Prosecutor Wan Mohd Ameerul Nazhif Wan Zulfikri. — Bernama

## Ibu mengaku cuai sebabkan kematian bayi dua bulan



DEWINTA Tefa (kanan) dibawa ke Mahkamah Majistret Parit hari ini bagi menghadapi pertuduhan dengan cuai menyebabkan kematian anak lelakinya dalam kejadian pada Khamis lalu. - UTUSAN

Oleh ASLIZA MUSA 22 September 2025, 11:57 am

PARIT: Seorang ibu kepada enam anak dijatuhi hukuman denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan cuai sehingga menyebabkan kematian anak bongsunya yang berusia dua bulan, Khamis lalu.

Tertuduh, Dewinta Tefa, 36, juga berdepan hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Hukuman tersebut dijatuhkan terhadap wanita warga Indonesia itu selepas tertuduh membuat pengakuan bersalah di hadapan Majistret Nurul Izalina Rajaai.

Terdahulu, tertuduh dilihat sebak dan menangis teresak-esak di kandang pesalah sebaik sahaja ditunjukkan gambar bayi lelakinya dan tempat kejadian berlaku.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan cuai menyebabkan kematian Arkan Andre Soveral Asit di sebuah rumah di Jalan Sungai Jejawi, Kampung Sungai Dua, Kota Setia dalam daerah Perak Tengah pada pukul 5.30 pagi, 18 September 2025.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Wan Mohd. Ameerul Nazhif Wan Zulfikri memberitahu mahkamah bahawa tertuduh tidak mempunyai sebarang rekod lampau dan memohon hukuman setimpal dikenakan terhadap kecuaian wanita itu yang menyebabkan kematian anaknya.

Bagaimanapun, peguam bela, Nurul Syuhada Mohd. Yusof memaklumkan bahawa tertuduh mempunyai enam anak dengan empat daripada mereka menetap di Indonesia manakala anak kelima dan bongsu yang merupakan mangsa tinggal bersamanya dan suami di Malaysia.

Katanya, tertuduh yang berada di negara ini sejak 2022 merupakan seorang suri rumah dan ditanggung suaminya yang berkerja di ladang kelapa sawit dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,500.

"Tertuduh tidak pernah terlibat dengan jenayah dan mohon mahkamah mengenakan hukuman denda yang paling minimum ke atasnya," ujar beliau.

Tertuduh membayar denda berkenaan.

Pada 20 September lalu, media melaporkan kematian seorang bayi lelaki berusia dua bulan selepas mangsa dipercayai tertindih badan ibunya ketika sedang tidur di sebuah rumah di Kampung Sungai Dua, Kota Setia di sini.

Berdasarkan hasil bedah siasat yang dilakukan ke atas mayat bayi terbabit di Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di Ipoh, punca kematian mangsa disebabkan oleh otak membengkak dan paru-paru sembab yang disebabkan oleh lemas udara.

Berikutan itu, polis membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 dan ibu bayi itu ditahan untuk siasatan lanjut. – UTUSAN

## Merancang tak bererti menolak

Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin



Adakah merancang keluarga bermakna menolak rezeki? Inilah salah faham yang masih membelenggu sebahagian masyarakat hingga ke hari ini.

Setiap tahun pada 26 September, dunia menyambut Hari Kontraseptif Sedunia bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan merancang keluarga. Sempena sambutan ini, Kempen Bulan Perancang Keluarga 2025 dilaksanakan sepanjang September dalam usaha berterusan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya kesihatan reproduktif dan kesejahteraan keluarga.

Perancangan keluarga bukan sekadar soal mengelakkan kehamilan, tetapi merangkumi aspek kehidupan yang lebih luas. Pasangan yang merancang bilangan, jarak dan masa kelahiran anak-anak sebenarnya sedang membina keluarga yang lebih tersusun dan seimbang. Tindakan ini memberi kesan positif terhadap kesihatan ibu, kestabilan kewangan, keharmonian rumah tangga serta kesejahteraan emosi. Merancang keluarga bukan bermakna menolak rezeki tetapi menunaikan amanah dengan penuh tanggungjawab.

Realitinya, stigma masyarakat sering menjadikan isu perancangan keluarga sebagai sesuatu yang tabu. Ada yang melabel pasangan yang menggunakan kaedah perancang sebagai menolak anak, takut mengandung atau tidak mahu bertanggungjawab. Hakikatnya, persepsi sebegini sangat tidak adil. Tidak ada pasangan yang merancang keluarga kerana benci kepada anak, sebaliknya mereka memilih jalan ini untuk memastikan setiap kelahiran disambut dengan persediaan yang rapi, kasih sayang yang cukup dan kemampuan untuk memberikan kehidupan yang baik.

Lebih membimbangkan, stigma yang salah ini sering menekan pasangan muda sehingga mereka berasa serba salah membuat keputusan terbaik untuk kehidupan rumah tangga sendiri. Sedangkan, merancang keluarga adalah hak setiap pasangan. Tidak ada siapa berhak merendahkan, apatah lagi menghukum kerana keputusan tersebut dibuat demi kebahagiaan dan masa depan keluarga yang lebih stabil.

Dalam era moden ini, perancangan keluarga semakin relevan. Tekanan hidup akibat kos sara hidup yang tinggi, beban kerja yang mencabar dan kesukaran menyeimbangkan kerjaya dengan kehidupan berumah tangga menuntut perancangan yang bijak. Statistik menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan dalam kalangan pasangan muda dan antara puncanya ialah kurang persediaan menggalas tanggungjawab sebagai ibu bapa. Dengan perancangan yang baik, pasangan lebih bersedia dari segi emosi, mental dan fizikal untuk menyambut cahaya mata sekali gus mengurangkan risiko konflik dan tekanan dalam rumah tangga.

Perancangan keluarga juga tidak seharusnya dipikul oleh wanita sahaja. Lelaki perlu tampil sebagai pasangan yang bertanggungjawab, bersedia berbincang secara terbuka dan memberi sokongan dalam menentukan kaedah perancang yang sesuai. Sikap saling memahami dan bekerjasama inilah yang akan membina keluarga yang harmoni.

Kesedaran awal tentang perancangan keluarga penting bukan sahaja untuk pasangan berkahwin tetapi juga untuk golongan remaja dan belia. Pendidikan tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti yang menyeluruh dapat mencegah kehamilan tidak dirancang serta masalah sosial. Generasi muda yang berilmu akan lebih matang, menghargai nilai kekeluargaan dan mampu merancang masa depan dengan lebih baik.

Dari sudut hukum, merancang keluarga dibenarkan selagi bertujuan menjaga kesihatan ibu, menjarakkan kelahiran, mengelakkan mudarat atau memastikan kebajikan keluarga terjamin. Perancangan hanya dilarang apabila niatnya untuk menolak zuriat secara mutlak, menolak rezeki atau menggunakan kaedah yang bercanggah dengan syariat. Selagi kaedah yang dipilih tidak memudaratkan kesihatan dan dilakukan dengan persetujuan suami isteri, merancang keluarga dianggap sebagai ikhtiar yang diharuskan demi kebaikan semua pihak.

Merancang keluarga bukan soal dosa atau menolak takdir tetapi langkah ikhtiar demi kesejahteraan. Pasangan yang membuat keputusan ini sebenarnya sedang memilih jalan yang lebih bijak membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang, mendidik mereka dengan sempurna dan dalam masa sama menjaga kestabilan mental serta kewangan keluarga.

Sudah tiba masanya masyarakat berhenti menuding jari dan melemparkan stigma terhadap pasangan yang memilih untuk merancang keluarga. Setiap keputusan adalah hak dan tanggungjawab bersama suami isteri dan bukan ruang untuk orang luar menghakimi. Generasi berkualiti lahir daripada keluarga yang bersedia dan keluarga yang bersedia lahir daripada perancangan yang bijak.

Dengan tema Keluarga Sejahtera, Minda Sihat, Kempen Bulan Perancang Keluarga 2025 mengajak seluruh masyarakat membuka mata dan hati. Perancangan bukan sekadar angka anak, tetapi keseimbangan hidup, ketenangan jiwa dan kebahagiaan rumah tangga. Merancang keluarga bererti merancang masa depan untuk diri, pasangan, anak-anak dan negara.

Perancangan keluarga bukan lagi isu pinggiran, tetapi keperluan mendesak yang wajib difahami tanpa prejudis. Sudah tiba masanya masyarakat berhenti menghakimi dan mula menerima bahawa merancang keluarga tidak pernah menolak rezeki, sebaliknya satu usaha menghargai amanah dengan persediaan terbaik. Berani merancang bermakna berani bahagia, berani matang dan berani menjamin masa depan generasi kita.

**Penulis Kaunselor Berdaftar Dengan Lembaga Kaunselor Malaysia**

**Disiarkan pada: September 22, 2025 @ 7:00am**

## 'Usus sihat, minda lagi hebat'



LEBIH 100 penduduk hadir pada program Usus Sihat, Minda Lagi Hebat di Dewan Banquet, Pejabat Pengarah Kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan di Kuantan, Pahang. – UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA 22 September 2025, 8:00 am

KUANTAN: Seramai 100 orang penduduk sekitar daerah ini menyertai program kesedaran kesihatan komuniti Usus Sihat, Minda Lagi Hebat anjuran Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, di sini kelmarin.

Program yang berlangsung di Dewan Banquet, Pejabat Pengarah Kampus UIAM Kuantan itu bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan usus dan kaitannya dengan kesejahteraan mental.

Antara aktiviti yang mencuri tumpuan adalah Pertandingan Smoothie Smooth Your Gut yang menyaksikan kreativiti peserta dalam menghasilkan minuman berasaskan Yakult.

Kanak-kanak turut diberi peluang menyertai Bengkel Makanan Minda: Poket Mesra Usus yang mendidik mereka tentang pemakanan sihat.

Pemeriksaan kesihatan dan pameran turut diadakan dengan kerjasama Alpro Pharmacy Sdn. Bhd. dan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) Pahang, sekali gus memberi nilai tambah kepada program tersebut.

Sesi forum kesihatan bertajuk Usus Sihat, Minda Lagi Hebat menjadi kemuncak program dengan penglibatan dua ahli panel iaitu Prof. Madya Dr. Wan Azdie Mohd Abu Bakar dari Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu UIAM dan Fatin Eilyana Afandi, Kaunselor Berdaftar dari Pusat Asasi UIAM Gambang.

Forum tersebut dikendalikan oleh Penyelaras Perhubungan Awam dan Sains/Pegawai Dietetik Yakult Malaysia. Raewadee Bon Rit yang berkongsi maklumat saintifik tentang hubungan antara kesihatan usus dan kesihatan mental.

Pengarah Bersekutu Bahagian Perhubungan Awam dan Sains Yakult Malaysia, Mazlyn Mena Mustapha berkata, pihaknya komited menyampaikan maklumat berasaskan sains kepada masyarakat melalui program seumpama ini.

"Kami ingin memberi pendedahan tentang kepentingan penjagaan usus dan hubungannya dengan kesihatan mental. Usus yang sihat bukan sahaja melancarkan penghadaman malah mempengaruhi emosi, mood dan fungsi kognitif seseorang," kata-nya.

Beliau berkata, pengambilan probiotik seperti Lacticaseibacillus paracasei Shirota strain (LcS) secara harian membantu mengekalkan keseimbangan bakteria baik dalam usus serta menyokong fungsi penghadaman.

Mengulas kajian saintifik di Jepun, katanya, pelajar perubatan yang mengambil Shirota strain selama lapan minggu menunjukkan paras hormon tekanan lebih rendah berbanding mereka yang tidak mengambil probiotik.

Kajian sama mendapati pengambilan probiotik tersebut mampu mengurangkan gejala ketidakselesaan abdomen seperti sakit perut dan selesema yang berpunca daripada tekanan akademik.

Majlis penutup program tumenyaksikan penyampaian hadiah cabutan bertuah dan cenderahati menarik kepada para peserta.

Program ini turut mendapat sokongan daripada rakan penaja seperti Elianware Enterprises Sdn. Bhd., The Pastels Shop, Fresh Life Water Resources Sdn. Bhd., Kewpie Malaysia Sdn. Bhd. dan Kuantan 188. Untuk maklumat lanjut, layari https://www.yakult.com.my – UTUSAN.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AZALINA DISMISSES CHANGES TO STANCE ON STATUTORY RAPE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Azalina dismisses changes to stance on statutory rape

**MELAKA:** The government remains committed to upholding international standards in cases of rape, particularly those involving minors, says Datuk Seri Azalina Othman Said (*pic*).

The Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) said the recent view expressed by Kelantan police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat was his personal opinion.



"For now, we adhere to the international standard that 'statutory rape is statutory rape'.

"I don't think we will be shifting away from that position," she told reporters after attending the Melaka and Negri Sembilan-level Anti-Bullying Tribunal Townhall session at the Al-Azim Mosque Auditorium here yesterday.

On Sunday, Mohd Yusoff suggested that discussions be held on the issue of "consensual rape" cases to consider action against both parties involved, instead of only against the male.

Azalina, however, said any proposal to improve the law could be channelled to the Criminal Law Reform Committee.

Meanwhile, she said the Legal Affairs Division may hold a townhall session with minors to gather their feedback for the drafting of the Anti-Bullying Bill, which is expected to be tabled in Parliament at the end of this year.

"Perhaps we will do it together with the Children's Commissioner ... we will invite the children, let them speak and ask for their views because this law is meant for them.

"They may have their own ideas, suggestions or criticisms. Today's children are smart, very conscious of social media and other issues ... maybe they will give us insights we ourselves are not aware of as adults," she said.

# Kerajaan masih berpegang standard antarabangsa berkaitan rogol bawah umur

22 September 2025 07:06pm



Azalina (tengah), semasa sidang media pada Sesi Town Hall Antibuli: Generasi Tanpa Buli Peringkat Negeri Melaka dan Negeri Sembilan di Auditorium Masjid Al-Azim, Bukit Palah, pada Isnin. Foto Bernama

MELAKA - Kerajaan masih berpegang kepada standard antarabangsa berkaitan kes rogol terutama membabitkan golongan bawah umur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, pandangan dikemukakan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berhubung perkara itu bersifat peribadi.

"Pada saya setakat ini kita pegang pada standard antarabangsa iaitu rogol statutori ialah rogol statutori. Saya rasa kita tak akan berganjak daripada perkara itu setakat ini," katanya.

Azalina berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas sesi Dialog Awam Tribunal Antibuli peringkat Melaka dan Negeri Sembilan di Auditorium Masjid Al-Azim di sini pada Isnin.

Semalam, Mohd Yusoff mencadangkan satu perbincangan diadakan mengenai isu kes rogol "suka sama suka" supaya tindakan diambil kepada kedua-dua pasangan terbabit dan bukan hanya terhadap pihak lelaki.

Azalina bagaimanapun berkata, sebarang cadangan berkaitan penambahbaikan undang-undang boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Jenayah (CLRC).

Dalam pada itu, Azalina memberi bayangan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) akan mengadakan sesi dialog awam dengan kanak-kanak bagi mendapatkan maklum balas golongan itu dalam merangka Akta Antibuli yang dijangka dibentangkan hujung tahun ini di Parlimen.

"Mungkin kita akan buat bersama-sama Pesuruhjaya Kanak-kanak... kita panggil kanak-kanak, biar kita bercakap dan tanya pendapat mereka sebab undang-undang ini melibatkan mereka.

"Mungkin mereka pun ada pandangan, cadangan atau kritikan sebab hari ini, anak-anak begitu bijak, peka terhadap media sosial dan sebagainya. Mungkin mereka akan memberi kita maklumat yang kita tidak sedar sebagai orang dewasa," katanya. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENSYARAH MUDA BAKAR JIWA PATRIOTIK MELALUI KERJA SUKARELAWAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pensyarah muda bakar jiwa patriotik melalui kerja sukarelawan

**Kesibukan** di bilik kuliah tidak pernah menghalang seorang pensyarah muda dari Miri menzahirkan cintanya kepada negara dengan turun padang demi membantu masyarakat terpinggir.

Bagi Nurul Fathira Anisa Jimali, 28, semangat patriotisme bukan sekadar mengibarkan Jalur Gemilang atau berdiri tegak ketika lagu Negaraku berkumandang, malah ia juga dizahirkan melalui tindakan membantu rakyat Malaysia, khususnya golongan kurang bernasib baik.

Minatnya terhadap aktiviti kemasyarakatan tidak muncul secara tiba-tiba atau dipaksa rakan sebaya, sebaliknya lahir daripada rasa ingin tahu untuk melihat sendiri realiti kehidupan di luar lingkungannya.

"Saya mula minat dan ingin tahu mengenai kerja sukarelawan ketika di bangku sekolah sebelum bergiat aktif secara serius ketika menuntut di universiti.

"Dari awal saya tak mahu hanya sekadar berjalan-jalan untuk melihat dunia luar. Saya mahu faham bagaimana orang lain hidup dan apa cabaran mereka, dari situ saya mula mencari peluang untuk menjadi sukarelawan menerusi Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)," katanya.

Nurul Fathira mengakui, antara pengalaman paling meninggalkan kesan mendalam adalah ketika pandemik COVID-19 pada 2020 yang menyaksikan ramai hilang pekerjaan, malah ada keluarga hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Ketika gerakan bendera putih pada 2021, saya pernah menemukan ketua keluarga yang hanya memperoleh kira-kira RM30 sehari sebagai buruh kasar.

"Si bapa ada tanggungan anak kecil, ibu bapa uzur serta ahli keluarga orang kurang upaya (OKU) dalam keadaan rumah yang sempit dan serba kekurangan.

"Anak-anak kecil itu tidak memilih untuk lahir dalam keadaan sebegitu, jadi kita sebagai golongan yang mampu melakukan perubahan ini perlu membantu mereka mendapatkan peluang yang lebih baik," katanya yang mengakui detik itu mengajarnya erti sebenar tanggungjawab.

Bagi pemegang ijazah sarjana dalam bidang sains itu, menyertai Persatuan Kebajikan Bantuan Komuniti Terpinggir Sarawak (Bantu Sarawak) kira-kira empat tahun lalu memberi ruang lebih luas untuk golongan belia sepertinya menyumbang kepada masyarakat.



*Nurul Fathira (belakang, dua dari kiri) ketika menjalankan aktiviti kemasyarakatan di pedalaman Sarawak.* (Foto BERNAMA)

Anak kedua daripada empat beradik itu percaya tugas sukarelawan bukan sekadar menyalurkan bantuan makanan atau wang tunai, tetapi turut membantu membuka jalan pembangunan kemahiran khususnya masyarakat luar bandar atau terpinggir.

"Kerja sukarela juga memberi pendedahan, keyakinan dan peluang kepada komuniti yang terkesan mengenai kepentingan pendidikan untuk mencari pekerjaan stabil kerana dari situ mereka boleh keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya.

Berketurunan Kayan-Melayu, wanita itu percaya pengalaman membabitkan diri dalam kesukarelawanan dan berinteraksi dengan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negeri ini menjadikannya lebih menghayati erti sebenar patriotisme dan pentingnya nilai perpaduan di Malaysia.

BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MAN HELD FOR SEXUALLY HARASSING FEMALE WORKER | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

CAUGHT ON CCTV

# Man held for sexually harassing female worker

**BALIK PULAU:** Police have arrested a man to assist in investigations into a sexual harassment incident involving a female employee at a business premises in The Golden Triangle, Bayan Lepas near here recently.

The incident, captured on CCTV, went viral on social media.

Southwest district police chief Assistant Commissioner Sazalee Adam said the 32-year-old man was picked up at 5.58pm on Sunday at a nasi kandar restaurant in Bayan Lepas, following a police report lodged by the victim's employer.

"The video of the incident went viral around 10am on Sunday on the platform X, showing a man sexually harassing a woman inside the premises.

"Checks revealed that a police report had been lodged by at 12.17pm on Friday," he said yesterday.

Sazalee said investigations found that the man had entered the business premises, which operates as a storage and online sales outlet for children's toys, and tried to persuade the victim to engage in sexual acts.

He said the incident was also witnessed by another female employee. Sazalee said the man has been remanded for further investigation.

The case is being investigated under Section 509 of the Penal Code and Section 14 of the Minor Offences Act 1955.

> *'The video of the incident went viral around 10am on Sunday on the platform X, showing a man sexually harassing a woman inside the premises.'*
>
> **ASSISTANT COMMISSIONER SAZALEE ADAM**
> Southwest district police chief

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COPS NAB MAN FOR ALLEGED SEXUAL HARASSMENT | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Cops nab man for alleged sexual harassment

**GEORGE TOWN:** Police arrested a man in Bayan Lepas on Sunday for allegedly sexually harassing a female worker at a business premises on Sept 19.

Barat Daya police chief ACP Sazalee Adam said the 32-year-old man was apprehended at 5.58pm at a restaurant in Bayan Lepas following a police report lodged by the victim's employer.

"Investigations showed the man entered the premises, which serves as a storeroom for an online children's toy business, and tried to coax the victim into having sex with him," he said in a statement yesterday.

Sazalee said another female worker witnessed the incident, which was also caught on the premises' security camera.

He added that a video of the incident went viral on X at about 10am on Sunday.

The case is classified under Section 509 of the Penal Code and Section 14 of the Minor Offences Act 1955. — Bernama



Tangkap layar video tular seorang lelaki dipercayai melakukan gangguan seksual terhadap seorang pekerja wanita di sebuah kedai mainan kanak-kanak di Jalan Dato Ismail Hashim, Bayan Lepas, semalam.

# Lelaki tular ajak ‘amoi’ bermesra dicekup

Oleh NOOR HASLIZA NUSI  22 September 2025, 4:06 pm

BALIK PULAU – Seorang lelaki diberkas selepas videonya tular ketika dia dipercayai melakukan gangguan seksual terhadap seorang pekerja wanita di sebuah kedai mainan kanak-kanak di Jalan Dato Ismail Hashim, Bayan Lepas di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, penahanan suspek berusia 32 tahun itu dilakukan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri dengan bantuan Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya (IPD BD).

Menurutnya, suspek diberkas di hadapan sebuah restoran nasi kandar di Bayan Lepas, kira-kira pukul 5.58 petang semalam.

“Kejadian itu bersangkut dengan laporan polis yang dibuat oleh majikan mangsa pada 19 September lalu di Balai Polis Bayan Lepas, kira-kira pukul 12.17 tengah hari.

“Hasil siasatan mendapati kejadian berlaku di sebuah stor kedai mainan kanak-kanak di Bayan Lepas. Mangsa telah diganggu secara seksual oleh seorang lelaki tidak dikenali yang cuba mengajak mangsa melakukan hubungan seks.

“Kejadian turut disaksikan seorang lagi pekerja wanita dan dirakam melalui rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di premis tersebut,” katanya di sini, hari ini.

Beliau memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil.

Mengulas lanjut katanya, pihaknya terlebih dahulu terkesan dengan satu video berdurasi 30 saat yang dimuat naik seorang pemilik akaun di media sosial, memaparkan kelibat seorang lelaki yang melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita.

Katanya, video tersebut telah mendapat perhatian ramai dengan 152 tanda suka, sembilan komen 60 perkongsian. -KOSMO! ONLINE